A

PP lwn. MOHD REZZA MUSLIM MOHD ASRI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41(H)-10-10-2014]
29 JANUARI 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Perintah kehadiran wajib – Sabitan di bawah s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Hukuman perintah kehadiran wajib di bawah s. 5(1) Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 – Tugas dan tanggungjawab Majistret sebelum membuat perintah – Prosedur yang perlu diikuti – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 43(1) – Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954, ss. 5(1)(a), (b), 5(4) & 8*

C

Responden telah mengaku salah terhadap satu pertuduhan di bawah s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'), kerana memandu kenderaan dengan cuai sehingga menyebabkan berlaku kemalangan jalanraya. Atas sabitan, s. 43(1) APJ memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak melebihi RM10,000, serta penjara tidak melebihi 12 bulan. Walaupun begitu, Tuan Majistret, setelah mensabitkan responden di bawah s. 43(1) APJ tersebut, memilih untuk menghukum responden di bawah s. 5(1) Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 ('Akta 1954'), sekaligus memerintahkan responden menjalani Perintah Kehadiran Wajib ('PKW') untuk tempoh dua bulan di bawah seksyen tersebut. Fakta menunjukkan bahawa tiada apa-apa catatan dibuat oleh Tuan Majistret berkaitan mengapa beliau memilih untuk menggunapakai s. 5(1) Akta 1954, selain mengatakan bahawa, jika PKW tidak dipatuhi, maka mahkamah akan memanggil semula kes untuk satu perintah lain. Pendakwa Raya merayu terhadap hukuman, tetapi, di hadapan yang arif Hakim Mahkamah Tinggi, telah menarik balik rayuan setelah responden didapati selesai menjalani hukuman PKW berkenaan. Walaupun rayuan telah ditarik balik, yang arif Hakim Mahkamah Tinggi merasakannya wajar, atas dasar kepentingan awam, untuk menggunakan kuasa semakannya terhadap kes ini dan menyediakan penghakiman bertulisnya. Yang arif hakim dengan itu telah menghurai rasional di sebalik Akta 1954 serta pelaksanaan PKW dan, antara lain, mengupas persoalan sama ada Tuan Majistret, dalam halkeadaan yang wujud di sini, telah mematuhi prosedur yang betul bilamana menggunapakai peruntukan s. 5(1) Akta 1954.

D

E

F

G

H

Diputuskan: ***(in obiter)***

(1) Terdapat kecacatan semasa Tuan Majistret mengendalikan kes ini dan membuat perintah di bawah s. 5(1) Akta 1954. Sebelum Tuan Majistret memilih untuk memerintahkan PKW ke atas responden, Tuan Majistret perlu terlebih dahulu mematuhi peruntukan s. 5(1)(a)(b)(i) dan (ii) Akta tersebut. Tuan Majistret, dalam nota keterangannya, perlu mencatatkan secara jelas bahawa Mahkamah telah menimbang peruntukan s. 5(1)(a)

I

dan (b) tersebut sebelum membuat perintah. Tuan Majistret juga perlu mencatatkan bahawa sekiranya tanpa Akta 1954 itu, sama ada beliau akan menjatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan bagi kesalahan di bawah s. 43(1) APJ yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 12 bulan. (perenggan 24 - 26)

(2) Begitu juga, apabila melibatkan hukuman denda, Tuan Majistret perlu mencatatkan bahawa beliau telah menimbang peruntukan s. 5(1)(b)(ii) Akta 1954. Tuan Majistret perlu mencatatkan dalam nota keterangan bahawa beliau telah menimbangkan "having regard to the character of such person, the nature and seriousness of the offence or the circumstances of such person's failure to pay (as the case may be) and all other circumstances of the case, it is expedient to commit him". Tuan Majistret perlu mencatatkan sama ada responden mampu untuk membayar denda minima RM4,000, dan jika beliau tidak mampu membayar, maka tempoh penjara atas keingkaran membayar tersebut adalah tidak melebihi tiga bulan penjara. Selepas menimbangkan peruntukan s. 5(1)(a) dan (b)(i) dan (ii), barulah Tuan Majistret boleh membuat perintah tersebut. (perenggan 27 - 30)

(3) Tuan Majistret juga selanjutnya gagal mematuhi s. 5(4) Akta 1954. Seksyen 5(4) jelas menuntut supaya Tuan Majistret, sebelum mengeluarkan PKW, perlu menerangkan dengan bahasa mudah mengenai kesan perintah tersebut dan akibatnya jika tidak dipatuhi, terutamanya perkara-perkara yang dinyatakan di bawah s. 8 Akta 1954 itu. Penerangan yang dibuat oleh Tuan Majistret, iaitu "Jika gagal akan dipanggil semula kes Mahkamah untuk perintah lain" adalah tidak mencukupi dan tidak mematuhi peruntukan s. 5(4). Selanjutnya, Tuan Majistret juga perlu, tetapi gagal menyatakan, bahawa responden telah menzahirkan persetujuannya untuk mematuhi syarat-syarat PKW. Seksyen 5(4) jelas mewajibkan responden memberi persetujuan sebelum suatu perintah kehadiran wajib boleh diperintahkan ke atasnya. (perenggan 32 - 34)

(4) Jika rayuan diteruskan, memandangkan terdapat kecacatan atau ketinggalan oleh Tuan Majistret, mahkamah ini akan memerintahkan supaya kes ini dibicarakan semula di hadapan Majistret yang lain. Walaupun begitu, rayuan kes ini tidak diteruskan oleh Pendakwa Raya. Oleh itu, sabitan atas responden dikekalkan dan rayuan perayu atas hukuman hanya boleh dipertimbangkan dalam forum yang lain. (perenggan 36 & 37)

Kes-kes yang dirujuk:

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***

Metramac Corporation Sdn Bhd v. Fawziah Holdings Sdn Bhd [2006] 3 CLJ 177 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 283(1)(c), 316(b)(i)
Offenders Compulsory Attendance Act 1954, ss. 5(1)(a), (b), (i), (ii), (4), 6(1), (2), (3), 8(1)
Road Transport Act 1987, s. 43(1)

Bagi pihak pendakwaan - Badius Zaman Ahmad; TPR
Bagi pihak responden - Herdawati Harun; T/n Devandran & Co

[Rayuan dari Mahkamah Majistret, Kangar; Kes Saman No: 86-383-09-2013]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Responden telah dituduh di Mahkamah Majistret, Kangar, Perlis Indera Kayangan atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 19.8.2012 jam lebih kurang 9.45 malam di Jalan Tebing Tinggi di dalam Daerah Kangar, Negeri Perlis semasa menunggang motorsikal R 8430 telah menunggang kenderaan tersebut di atas jalan raya menyebabkan kemalangan dengan sebuah motorkar nombor pendaftaran JFV 6240. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[2] Responden tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dan perbicaraan telah dimulakan pada 6 Mac 2014. Pendakwaan telah memanggil lima orang saksi pendakwaan iaitu SP:1 (Che Norwani binti Bulat), SP:2 (Koperal Sulaiman bin Ani), SP:3 (Shahar Nazihan bin Shariff), SP:4 (Salini binti Man) dan SP:5 (Aziz bin Sudin). Pada 30 September 2014, responden telah menukar pengakuannya dan mengaku bersalah atas pertuduhan. Sebagaimana biasanya pendakwaan telah mengemukakan fakta kes (P5), rajah kasar dan kunci (P1 dan P1K) dan laporan post mortem (P6).

[3] Tuan Majistret, Mahkamah Majistret, Kangar, Perlis Indera Kayangan (Tuan Majistret itu) telah merekodkan responden bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Tuan Majistret itu kemudiannya memberi peluang kepada responden mengemukakan mitigasi peringanan hukuman melalui peguamnya. Pihak pendakwaan sebagaimana lazimnya memohon hukuman yang setimpal.

[4] Tuan Majistret itu telah memerintahkan responden menjalani perintah kehadiran wajib (PKW) selama dua bulan dua jam sehari di bawah kendalian parol. Jika gagal akan dipanggil semula ke mahkamah untuk perintah lain.

[5] Perayu (Pendakwa Raya) yang terkilan dengan hukuman yang diberikan oleh Tuan Majistret itu telah memfailkan notis rayuan atas hukuman ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Indera Kayangan (ms. (1)-(2) Rekod Rayuan (RR)). Perayu telah pun memperincikan alasan rayuannya sebagaimana yang dinyatakan dalam petisyen rayuan (ms. (3)-(5) RR).

[6] Sebelum mahkamah ini menyentuh rayuan oleh perayu, eloklah diimbas kembali sejarah PKW di Malaysia. Pelaksanaan program ini bermula disekitar tahun 50-an di mana Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Akta itu) digubal. Pada peringkat awalnya program ini telah diwujudkan di Penjara Pulau Pinang, Penjara Pudu dan Penjara Taiping. Walau bagaimanapun, difahamkan Akta itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan beberapa masalah yang timbul.

[7] Program ini telah diberi nafas baru hasil cetusan idea Y Bhg Dato' Wira Hj. Zulkifli bin Haji Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia (ketika itu) setelah dipersetujui oleh YB Menteri Kementerian Dalam Negeri. Program ini dapat dilaksanakan setelah diletakkan sebagai salah satu program di bawah program NKRA yang berkuatkuasa mulai 1 September 2010. PKW menjadi kenyataan setelah menerima perwartaan jarak dan pejabat PKW oleh YB Menteri, Kementerian Dalam Negeri. Pada 30 September 2010, pusat kehadiran wajib telah mula menerima pesalah di daerah Pekan, Pahang di mana pesalah telah diperintahkan menjalani PKW selama tiga bulan dan empat jam sehari oleh Majistret, Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang.

[8] Akta itu pernah disemak pada tahun 1991 oleh Jabatan Peguam Negara, memandangkan Akta itu digubal sebelum penyatuan Sabah dan Sarawak dan ianya tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan PKW telah pun dipanjangkan dan diterima pakai di Sabah dan Sarawak mulai 16 September 2012 setelah mendapat kelulusan perluasan penggunaan Akta itu dan diwartakan pada 1 Oktober 2012.

[9] PKW merupakan hukuman alternatif pemenjaraan yang diperuntukkan di bawah s. 5(1) Akta itu untuk tempoh masa yang tidak melebihi tiga bulan dan pesalah dikehendaki melakukan kerja wajib tidak melebihi empat jam sehari. Pesalah yang diberikan PKW dikehendaki melaporkan diri pada hari, masa dan tempat yang dinyatakan dalam syarat-syarat PKW (sila rujuk s. 6(1), (2) dan (3) Akta itu).

[10] Bagi pesalah yang melanggar syarat-syarat PKW yang berada di perintah kehadiran wajib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 8(1) Akta itu, pegawai pusat kehadiran wajib akan melaporkan kepada mahkamah dan pesalah boleh dikenakan apa-apa hukuman atau apa-apa perintah lanjutan. Semasa menjalani hukuman PKW di lokasi yang ditetapkan, pesalah akan dipantau oleh seorang penyelia dan laporan bagi setiap kerja dilokasi akan dicatit bagi kerja yang dijalankan.

[11] Objektif utama program ini diadakan antara lainnya bertujuan mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi menampung banduan yang menjalani hukuman kurang daripada tiga bulan, mengurangkan kesesakan dalam penjara, pesalah masih meneruskan penghidupan sehariannya seperti biasa (pekerjaan asalnya), mengurangkan kesan pemenjaraan bagi kesalahan yang ringan dan mengurangkan impak residivis di penjara.

A **[12]** Program yang dilaksanakan ini dapat membantu memulihkan pesalah dengan program-program yang diatur dengan memberi intervensi, sesi kaunseling dan memberi khidmat nasihat yang berterusan bagi mengingatkan pesalah supaya dapat berubah tingkahlaku dari negatif kepada positif.

B **[13]** Di samping itu, apabila pesalah melakukan kerja-kerja wajib di lokasi kerja wajib ianya diharapkan dapat membantu memulihkan pesalah dengan timbul rasa keinsafan kepada pesalah. Sebagai contohnya apabila pesalah melakukan kerja wajib di rumah orang-orang tua, diharapkan semasa melakukan kerja tersebut akan menimbulkan rasa keinsafan kepada diri pesalah dan memupuk perasaan menghormati antara satu sama lain.

C **[14]** Mahkamah ini juga berpendapat dengan adanya PKW, masyarakat sebenarnya memainkan peranan yang penting di dalam membantu program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Masyarakat berganding bahu bersama-sama pesalah dan bukannya dengan memulau atau menjauhkan diri daripada pesalah. Secara tidak langsung masyarakat membantu memulihkan
D keyakinan dan membina jati diri pesalah. Jabatan Penjara telah mengenal pasti peranan yang boleh diberikan oleh masyarakat kepada pesalah antaranya ialah memberi khidmat sokong bantu, memberi khidmat kaunseling, menyediakan lokasi kerja wajib dan mengadakan program bersama pesalah.

E **[15]** Agensi-agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga memainkan peranan yang penting di dalam membantu program PKW. Agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan [AADK], Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Majlis Perbandaran dan lain-lainnya berperanan di dalam membantu melaksanakan undang-undang yang
F berkaitan sekiranya berlaku apa-apa kejadian ataupun ketika memerlukan khidmat sokong bantu di dalam membantu memulihkan pesalah.

[16] Manakala pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula berperanan di dalam membantu pesalah-pesalah dengan memberi sokongan di dalam
G bentuk intervensi, khidmat kaunseling, menyediakan lokasi kerja dan juga bekerjasama dengan jabatan di dalam mengeratkan hubungan dengan masyarakat. NGO merupakan satu badan yang mampu mempengaruhi masyarakat di dalam memberi sokongan terhadap program yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

H **[17]** Mahkamah ini telah memperolehi maklumat daripada Jabatan Penjara Malaysia, dalam tempoh berkuatkuasanya PKW iaitu 1 September 2010 sehingga 31 Disember 2010, seramai 136 pesalah telah menjalani hukuman PKW di bawah Akta itu atas pelbagai kesalahan. Jabatan Penjara Malaysia bagi tempoh itu telah menjimatkan perbelanjaan mengurus pesalah sekiranya
I dimasukkan ke dalam penjara sebanyak RM428,400 (RM35 x 136 x 90 hari).

[18] Mahkamah ini juga dengan izin telah memperolehi data daripada Jabatan Penjara Malaysia, setakat 12 Januari 2015, mahkamah seluruh Malaysia telah mengeluarkan PKW melibatkan seramai 2,084 pesalah.

[19] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar telah memaklumkan mahkamah ini hasratnya untuk tidak meneruskan rayuan atas hukuman kerana responden telah pun selesai menjalani tempoh PKW selama tiga bulan. Perkara ini telah pun dimaklumkan oleh Pusat Kehadiran Wajib Negeri Perlis melalui suratnya bertarikh 20 November 2014 (Rujukan: JP/PRL/(KGR) 160/4 (104)).

[20] Mahkamah ini bersetuju dengan pendirian TPR yang terpelajar yang tidak meneruskan rayuannya kerana responden telah pun menjalani PKW yang diperintahkan oleh Tuan Majistret itu dan rayuan ini menjadi suatu perkara akademik semata-mata.

[21] Mahkamah ini merujuk kes *Metramac Corporation Sdn Bhd v. Fawziah Holdings Sdn Bhd* [2006] 3 CLJ 177; [2006] 4 MLJ 113 yang memberikan panduan bagi menentukan sama ada rayuan menjadi akademik atau sebaliknya seperti berikut:

> The test, therefore, in deciding whether an appeal has become academic is to determine whether there is in existence a matter in actual controversy between the parties which will affect them in some way. If the answer to the question is in the affirmative the appeal cannot be said to have become academic. This test has found favour with a plethora of local cases such as *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v. Karpal Singh* [1992] 1 MLJ 147; *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor v. Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors* [1997] 1 MLJ 257 and *Raphael Pura v. Insas Bhd & Anor* [2003] 1 MLJ 513.

[22] Mahkamah ini telah mengaplikasikan ujian dalam kes *Metramac Corporation Sdn Bhd* [*supra*] kepada fakta dalam kes rayuan perayu. Perayu merayu atas hukuman PKW yang dihujahkan tidak memadai bagi kesalahan s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 di mana memperuntukkan denda minima RM4,000 dan denda maksima RM10,000 atau penjara 12 bulan. Perayu merayu atas hukuman PKW dan hukuman PKW telah pun selesai dijalani oleh responden dan ianya telah menjadi perkara akademik. Sekiranya rayuan perayu diteruskan mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengubah hukuman PKW dengan hukuman lainnya bagi mengelakkan responden dijatuhi hukuman untuk kali kedua atas kesalahan yang sama.

[23] Mahkamah ini selanjutnya telah membatalkan rayuan oleh perayu atas hukuman yang diberikan oleh Tuan Majistret itu.

[24] Sekiranya tempoh PKW belum dilaksanakan dan rayuan ini akan diteruskan, mahkamah ini akan menyentuh rayuan perayu atas keputusan Tuan Majistret itu yang memberikan perintah PKW ke atas responden bagi kesalahan di bawah s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[25] Mahkamah ini telah meneliti R.R terutamanya nota keterangan Tuan Majistret itu pada 30 September 2014 [ms. (35)-(36) R.R]. Mahkamah ini berpendapat terdapat kecacatan yang berlaku semasa Tuan Majistret itu mengendalikan kes ini apabila responden mengaku bersalah. Dalam keadaan

ini mahkamah bercadang untuk mengunakan kuasa semakan di bawah s. 316(b)(i) Kanun Tatacara Jenayah [Kanun itu]. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 316(b)(i) Kanun itu sebagaimana berikut:

> (b) in an appeal from a conviction or in an appeal as to sentence:
>
> (i) reverse the finding and sentence and acquit or discharge the accused, or order him to be re-tried;

[26] Mahkamah ini berpendapat sebelum Tuan Majistret itu memilih untuk memberikan PKW kepada responden, Tuan Majistret itu terlebih dahulu perlu mematuhi peruntukan s. 5(1)(a), (b), (i) dan (ii) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 5(1)(a) dan (b) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> 5. Compulsory Attendance Order
>
> (1) Where a person, who resides not more than the prescribed distance from a Centre:
>
> (a) has been convicted of an offence for which he is liable to be sentenced to imprisonment; or
>
> (b) is liable to be committed to prison for failure to pay a fine or debt, and
>
> the Court is of the opinion that:
>
> i. had this Act not been passed, such person would have been adequately punished by a sentence of imprisonment for a period not exceeding three months; and
>
> ii. having regard to the character of such person, the nature and seriousness of the offence or the circumstances of such person's failure to pay (as the case may be) and all the other circumstances of the case, it is inexpedient to commit him,
>
> the Court may, *in lieu* of such sentence or committal, make a Compulsory Attendance Order requiring such person to attend daily at a Centre to be specified in such Order and to undertake compulsory work for a period not exceeding three months and for such number of hours each day not exceeding four as may be specified in such Order, and may, for further ensuring due compliance with such Order, require the offender to enter into a bond with or without sureties.

[27] Tuan Majistret itu di dalam nota keterangan perlu mencatatkan secara jelas mahkamah telah menimbangkan peruntukan s. 5(1)(a) dan (b) Akta itu sebelum memutuskan PKW ke atas responden. Responden telah mengaku bersalah atas kesalahan s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menetapkan hukuman denda tidak kurang daripada empat ribu ringgit (RM4,000) dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (RM10,000) dan juga boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

[28] Tuan Majistret itu perlu mencatatkan sekiranya tanpa Akta itu sama ada beliau akan menjatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan kesalahan di bawah s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 12 bulan.

[29] Tuan Majistret itu juga perlu mencatatkan beliau telah menimbangkan peruntukan s. 5(1)(b)(ii) Akta itu apabila melibatkan hukuman denda. Bagi kesalahan s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 hukuman minima denda RM4,000 dan hukuman maksima RM10,000. Tuan Majistret itu perlu mencatatkan dalam nota keterangan beliau telah menimbangkan "having regard to the character of such person, the nature and seriousness of the offence or the circumstances of such person's failure to pay (as the case may be) and all the other circumstances of the case, it is inexpedient to commit him".

[30] Tuan Majistret itu dalam nota keterangan perlu mencatatkan telah mengambil kira responden berumur 20 tahun dan beliau tidak bekerja. Responden memerlukan wang yang banyak bagi tujuan rawatan perubatan akibat kemalangan yang berlaku. Tuan Majistret itu perlu mencatatkan sama ada responden mampu untuk membayar denda minima RM4,000. Sekiranya responden tidak mampu membayar denda RM4,000 jika ingkar hukuman penjara tidak boleh melebihi enam bulan penjara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 283(1)(c) Kanun itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan tersebut sebagaimana berikut:

(c) the period for which the Court directs the offender to be imprisoned in default of payment of fine shall not exceed the following scale:

(i) if the offence is punishable with imprisonment:

Where the maximum term of imprisonment -	The period shall not exceed -
does not exceed six months	the maximum term of imprisonment
exceeds six months but does not exceed one year	six months
exceeds one year but does not exceed two years	one year
exceeds two years	half of the maximum term of imprisonment;

[31] Tuan Majistret itu perlu mencatatkan dalam keadaan responden tidak mampu membayar denda minima RM4,000 tempoh penjara jika ingkar membayar denda tidak boleh melebihi tiga bulan penjara. Selepas menimbangkan peruntukan s. 5(1)(a) dan (b), (i) dan (ii) Akta itu, barulah Tuan Majistret itu boleh memerintahkan PKW ke atas responden.

[32] Mahkamah ini juga telah merujuk nota keterangan di mana Tuan Majistret itu telah gagal mematuhi peruntukan s. 5(4) Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> (4) The Court shall, before making a Compulsory Attendance Order, explain to the person concerned in ordinary language the effect of such Order and the consequence of failure to comply therewith and shall not make the order unless such person expresses his willingness to comply with the requirements thereof.

[33] Mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu mengikut peruntukan s. 5(4) Akta itu sebelum mengeluarkan PKW perlu menerangkan dengan bahasa mudah kesan PKW dan akibat sekiranya PKW tidak dipatuhi terutamanya perkara-perkara yang dinyatakan di bawah s. 8 Akta itu. Mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu sekadar menyatakan "Jika gagal akan dipanggil semula kes mahkamah untuk perintah lain" ianya belum mencukupi dan tidak mematuhi peruntukan s. 5(4) Akta itu. Tuan Majistret itu di dalam nota keterangan perlu mencatatkan telah diterangkan dengan bahasa mudah kesan dan akibat PKW terutamanya peruntukan s. 8 Akta itu.

[34] Mahkamah ini juga berpendapat Tuan Majistret itu telah gagal mencatatkan dalam nota keterangan responden menzahirkan persetujuannya untuk mematuhi syarat-syarat PKW. Peruntukan s. 5(4) Akta itu secara terang menyatakan ianya wajib bagi responden memberi persetujuan sebelum PKW diperintahkan ke atasnya.

[35] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan terutamanya di ms. (35)-(36) RR, Tuan Majistret itu telah gagal mematuhi peruntukan s. 5(1)(b), (i) dan (ii) dan s. 5(4) Akta itu sebelum PKW dikeluarkan. Mahkamah ini berpandukan peruntukan s. 316(b)(i) Kanun itu membatalkan sabitan dan mengenepikan PKW yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret itu. Mahkamah ini setelah menimbangkan fakta kes secara keseluruhannya berpendapat terdapat keterangan yang kuat bagi pendakwaan di bawah s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[36] Mahkamah ini telah menimbangkan tugas mahkamah ini sebagaimana yang ditegaskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v. Public Prosecutor* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 di mana YAA Abdul Hamid Omar HBM (pada ketika itu) telah menyatakan:

> Duty of High Court
>
> Basically, the duty lies with the High Court to see that the criminal law is properly administered by an inferior Court. The Judge's duty is to satisfy himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order, recorded or passed and as to the regularity of any proceedings of such inferior Court. Where, for instance, a convicted person has scrupulous objection to invoke the jurisdiction of a High Court, either on a question of legality of conviction or error of law

concerning the conviction or sentence, the Judge ought to call for and examine the record with a view to exercising the revisionary power to correct a miscarriage of justice.

[37] Mahkamah ini berpendapat memandangkan terdapat kecacatan atau ketinggalan Tuan Majistret itu untuk mematuhi peruntukan Akta itu, mahkamah ini akan memerintahkan kes ini dibicara semula (order re-trial) di hadapan Majistret lainnya. Walaupun begitu rayuan kes ini tidak diteruskan oleh TPR yang terpelajar dan pandangan mahkamah yang dinyatakan di atas sekadar sepintas lalu dan sabitan atas responden masih dikekalkan.

[38] Memandangkan TPR yang terpelajar telah menarik balik rayuannya atas alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat rayuan perayu atas hukuman akan dipertimbangkan dalam forum yang lainnya. Perayu telah merayu atas hukuman PKW bagi kesalahan s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk memberikan pandangannya diperingkat ini sama ada hukuman PKW bagi kesalahan s. 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 memadai dan sama ada ianya bercanggah dengan prinsip penghukuman yang menjadi teras petisyen rayuan pihak perayu.